

# USIM perluaskan kongsi ilmu penyembelihan

SEREMBAN 19 Feb. - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) memperluaskan inisiatif perkongsian ilmu dalam lingkungan industri halal tempatan menerusi penganjuran kursus penyembelihan (Haljob) di Kuching, Sarawak baru-baru ini.

Program berteraskan pemindahan ilmu itu dijalankan menerusi geran yang diperuntukkan Kementerian Pengajian Tinggi melalui kerjasama antara USIM, Halal Industry Development Corporation (HDC), Majlis Agama Islam Sarawak dan Jabatan Veterinar Sarawak.

Kursus dua hari itu dikendalikan Institut Penyelidikan dan Pengurusan Halal (IHRAM) USIM yang meliputi penuntut Sarjana Fakulti Sains Teknologi, Program Bioteknologi Makanan USIM serta pembantu tadbir IHRAM.

Menurut Pengarah IHRAM, Prof. Madya Dr. Alina Abdul Rahim, seramai 30 peserta terlibat dalam kursus berkenaan yang membabitkan anak tempatan serta wakil industri halal.

“Antara pengisian kursus ini termasuk aspek syariah dan teknikal, malah peserta turut didedahkan dengan latihan dalam kumpulan ke arah memperkukuhkan aspek integriti dan kerohanian dalam bidang tersebut.

“Peserta juga turut menyertai sesi latihan praktikal yang dijalankan di dua rumah sembelihan berhampiran,” katanya di sini hari ini.

Jelasnya, setelah menjalani sesi teori dan praktikal, kesemua peserta turut menduduki ujian tauliah Majlis Agama Islam Sarawak.

“Pada masa sama, peserta terlibat juga telah ditemuduga oleh pelbagai syarikat untuk diambil be-



**SEBAHAGIAN** daripada peserta yang menyertai kursus penyembelihan (Haljob) menunjukkan surat tauliah masing-masing di Kuching, Sarawak, baru-baru ini.

kerja dalam bidang penyembelihan.

“Inisiatif ini secara tidak langsung membuka peluang pekerjaan kepada anak tempatan sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada buruh asing untuk melakukan penyembelihan yang sering men-

jadi persoalan dan tidak memenuhi hukum,” ujarnya.

Sementara itu Menteri Muda Halal Ehwal Islam Sarawak, Datuk Ir. Daud Abdul Rahman yang menutup program tersebut berkata, kerajaan Sarawak amat mengalu-alukan inisiatif berkenaan dan berharap agar

diteruskan pada masa akan datang.

“Saya mencadangkan agar ia terus diperluaskan di Miri dan Sibuan kerana di kawasan terbabit terdapat 21 pusat sembelihan di negeri ini yang kini memerlukan hampir 100 orang penyembelih bertauliah di Sarawak,” katanya.